

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA HARI PEKERJA

TEMPAT : PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA

TARIKH : 01 MAY 2000

MASA:

Syukur Alhamdulillah negara kita telah memasuki alaf baru dengan penuh keyakinan dan bersemangat tinggi setelah ekonomi kita menunjukkan pemulihan yang kukuh tahun ini. Setelah tiga tahun ekonomi negara mengalami kemerosotan akibat krisis kewangan yang melanda rantau ini, Malaysia kini kembali kepada kedudukan yang kukuh dan lebih baik untuk menyambung semula usaha-usaha memaju dan membangunkan negara demi faedah rakyat.

2. Semasa krisis kewangan dahulu banyak rancangan Kerajaan terpaksa ditangguh atau dibekukan kerana wang kita telah dilarikan ke luar negara. Kejatuhan nilai matawang telah menaikkan kos keperluan yang diimport. Jika tidak kerana kita berjaya mengawal inflasi, rakyat termasuk pekerja bergaji akan hidup merana kerana tidak dapat membeli keperluan hidup, bahkan menganggur terus.

3. Bahawa kita berjaya mengelak daripada meminjam wang daripada IMF telah membawa banyak nikmat kepada pekerja Malaysia. Dasar IMF berkenaan menangani kegawatan ialah dengan memaksa perniagaan yang tidak dapat mengatasi kerugian ditutup sahaja. Bahawa ini akan menyebabkan ramai pekerja menganggur tidak dipedulikan sama sekali. Jika pertolongan diberi untuk memulihkan syarikat, ini dikutuk sebagai 'bail-out'. Sebaliknya apabila syarikat kewangan negara maju menghadapi masalah mereka mengadakan 'bail-out' berbilion Dolar untuk menyelamatkan pelabur yang kaya. Syarikat kewangan yang tidak mempunyai ramai pekerja terselamat kerana 'bail-out' ini.

4. Sebab itu pekerja di Malaysia boleh dianggap bernasib baik kerana kita tidak perlu meminjam daripada IMF. Di masa yang sama kita dapat mengawal inflasi supaya kejatuhan Ringgit sebanyak 50 peratus tidak menyebabkan pengurangan daya beli pendapatan pekerja dengan peratusan yang sama.

5. Sekarang Kerajaan sedang meneruskan usaha untuk memulihkan ekonomi. Sudah tentu pendapatan pekerja akan bertambah. Tetapi kita harus ingat ekonomi kita bergantung kepada eksport barangan dan komoditi. Jika

kos kita mengeluarkan barangan ini lebih tinggi daripada kos di negara jiran, eksport kita tidak akan naik dan mungkin merosot. Jika ini berlaku maka ekonomi kita tidak akan dapat berkembang. Ini boleh menyebabkan pengangguran berlaku dan kenaikan upah tidak dapat diadakan.

6. Kos pengeluaran barangan boleh diturunkan dengan meningkatkan kecekapan dan mengawal kewangan perniagaan dengan cermat. Ini memerlukan kerjasama yang erat di antara pekerja dan majikan. Majikan hendaklah sanggup berkongsi kenaikan pendapatan walaupun ia disebabkan peningkatan kecekapan pengurusan atau penambahan pelaburan untuk meningkatkan kecekapan. Dibalikinya pekerja pula harus meningkatkan produktiviti supaya keuntungan bertambah dan sanggup pula berkongsi keuntungan ini dengan majikan. Inilah cara yang terbaik bagi perniagaan dan perusahaan.

7. Pendapat bahawa upah dapat ditambah melalui 'test of strength' iaitu ujian kekuatan di antara pekerja dengan majikan adalah salah. Ujian kekuatan, walau siapa menang sekalipun mempunyai kos yang tinggi. Akhirnya kita akan hilang daya saing kita, akan rugi dan mungkin akan hilang pendapatan. Negara juga akan rugi.

8. Pekerja negara maju dan kesatuan mereka memang mahu kita menggunakan pendekatan yang boleh memusnahkan kita. Apabila ini berlaku maka tidak akan ada persaingan lagi dan mereka boleh menuntut kenaikan upah bagi mereka lagi. Janganlah kita percaya orang yang sedang bersaing dengan kita ingin membela nasib kita.

9. Sesungguhnya cara yang terbaik untuk menaikkan upahan kita ialah dengan meningkatkan produktiviti kita. Jika sudah naik tetapi kita tidak dapat kenaikan yang berpatutan, rundingan dengan majikan perlu diadakan. Jika ini tidak berjaya, maka orang tengah perlu didapati untuk menimbangkan merit pendirian kedua-dua pihak dan memberi 'award' yang adil dan berpatutan.

10. Negara Malaysia ini adalah negara kita bersama. Tidak ada siapa yang lebih istimewa dan berhak daripada orang lain di Malaysia. Oleh itu kita semua perlu bekerjasama untuk memajukan negara kita ini. Percayalah semua kita akan mendapat keuntungan dan nikmat yang jauh lebih tinggi apabila negara kita maju.

11. Hari ini pun kita lebih maju dan pekerja Malaysia mendapat lebih banyak pulangan kerana jarang berlaku di negara ini tindakan-tindakan perusahaan. Pelabur lebih yakin melabur di Malaysia kerana mereka tidak perlu membuat peruntukan untuk kerugian akibat tindakan perusahaan. Jika mereka yakin bahawa bukan sahaja mereka tidak akan rugi kerana tindakan perusahaan tetapi sebaliknya akan lebih untung kerana pekerja akan meningkatkan produktiviti sepanjang masa, maka pelabur

akan melabur dengan lebih banyak. Apabila pelaburan meningkat maka upah untuk pekerja akan meningkat. Pelabur terpaksa menawarkan upahan yang lebih baik untuk mendapat pekerja. Ini sebenarnya telah berlaku kerana insentif yang diberi kepada pelabur oleh Kerajaan menarik pelaburan yang begitu banyak sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi walaupun pekerja asing dibenarkan masuk.

12. Kerajaan amat menghargai sikap dan kefahaman masyarakat pekerja yang menyumbang kepada kemajuan negara kita. Pandangan pekerja berkenaan bukan sahaja hal ehwal pekerja tetapi juga masalah-masalah lain tetap akan diberi pertimbangan oleh Kerajaan. Jika Kerajaan kadang-kadang tidak bersetuju dengan pekerja dalam desakan mereka, sebabnya ialah kerana Kerajaan terpaksa memikirkan kepentingan negara secara menyeluruh, yang mana maju mundurnya negara akan mempengaruhi nasib pekerja juga.

13. Baru-baru ini banyak kedengaran berkenaan gaji minima. Ada yang berkata saya sendiri mahu menetapkan gaji minima sebanyak RM1,200 sebulan. Sebenarnya apa yang saya perkatakan ialah saya ingin melihat pekerja mendapat sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan hasil daripada peningkatan produktiviti mereka dan majikan mereka. Kita tidak dapat sekaligus menetapkan gaji minima sebanyak RM1,200 sebulan. Jika kita berbuat demikian maka ia akan menjadi kenaikan gaji bagi semua pekerja, bahkan eksekutif juga ke paras yang amat tinggi. Jika seorang yang dibayar gaji RM400 sekarang, dinaikkan gajinya kepada RM1,200, maka pekerja yang sekarang dibayar RM1,200 akan juga menuntut kenaikan gajinya supaya jarak antaranya dengan pekerja yang dahulu dibayar RM400 dapat dikekalkan. Dan jarak ini tentulah melebihi RM800, menjadikan gajinya sekurang-kurangnya lebih RM2,000. Apabila ia mendapat RM2,000 orang lain yang dahulu mendapat RM2,000, iaitu RM800 lebih daripadanya akan menuntut supaya jarak antara mereka terus RM800 atau lebih, iaitu sekurang-kurangnya RM2,800. Kemudian mereka yang dahulu bergaji RM2,800 akan juga meminta supaya mereka dinaikkan gaji untuk mengekalkan jarak antara mereka dengan yang mendapat RM2,800. Dengan perkataan lain penentuan gaji untuk minima yang tinggi akan menyebabkan kenaikan gaji yang menyeluruh yang tidak mampu dipikul oleh Kerajaan atau swasta. Saya tidak perlu menyebut apa yang akan terjadi kepada ekonomi negara dan dayaasaingnya.

14. Sepertimana kita semua maklum Kerajaan sanggup menaikkan gaji tanpa tuntutan oleh pekerja (10 peratus) jika Kerajaan mempunyai kemampuan dan ia tidak mempunyai kesan buruk terhadap kewangan Kerajaan, dayaasaing kita dan ekonomi negara.

15. Kerajaan ini amat bersimpati dengan masyarakat pekerja dan akan membuat apa yang mampu dibuat untuk

kebaikan mereka. Kita tidak ingin melihat jarak di antara yang berpendapatan rendah dengan yang berpendapatan tinggi terlalu jauh, setelah mengambilkira cukai yang dikenakan. Saya berharap dan berdoa supaya keharmonian dan keamanan dalam hubungan perusahaan di negara ini akan menjadi bertambah baik demi kebaikan kita bersama.

16. Saya ucap Selamat Menyambut Hari Pekerja dan Selamat Bekerja untuk diri dan negara.